

'Saya mahu berbakti

UM 27 JUL 2005

KUALA LUMPUR 26 Julai – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan tetap bersama Proton dan akan terus berbakti kepada syarikat automotif negara itu sehingga khidmatnya “tidak lagi diperlukan.”

Penasihat Proton Holdings Bhd. (Proton) itu menegaskan, tugasnya sebagai penasihat kepada Proton adalah sumbangan sukarela kepada negara.

“Saya lakukan ini (Penasihat Proton) sebagai satu tugas untuk negara. Saya tidak dibayar satu sen pun,” kata beliau.

Beliau berkata demikian pada satu sidang akhbar khas di Menara Berkembar Petronas di sini hari ini. Sidang akhbar itu diadakan bagi mengulas isu kontrak Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Proton yang tidak dilanjutkan oleh Lembaga Pengarah Proton.

Tengku Mahaleel juga telah diarahkan bercuti mulai hari ini sehingga tarikh kontraknya itu tamat pada 30 September ini.

Berikutan penamatan kontrak tersebut, Lembaga Pengarah Proton mengambil keputusan melantik Pengarah Operasi, Datuk Kisai Rahmat dan

CEO Proton Tanjung Malim Sdn. Bhd., Datuk Kamarulzaman Darus, sebagai CEO Proton Holdings berkuat kuasa mulai hari ini.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berharap agar Proton akan terus maju dengan pengurusan yang baru.

Bekas Perdana Menteri berkata, penamatan perkhidmatan Tengku Mahaleel dibuat mengikut prosedur yang betul.

Bagaimanapun, Tengku Mahaleel enggan menandatangani kontrak tersebut walaupun diberi masa yang mencukupi kerana tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang ditawarkan kepadanya, kata Dr. Mahathir.

Sehubungan itu, katanya, Lembaga Pengarah Proton berhak untuk tidak menyambung tugas Tengku Mahaleel.

Manakala bagi dirinya, Dr. Mahathir berkata: “Saya akan terus (di dalam Proton) sehingga saya diberhentikan.”

Isu kedudukan Tengku Mahaleel bermula pada awal tahun ini dan ia kembali hangat pada 27 Jun lalu apabila CEO Proton itu mengkritik dasar automotif kerajaan dalam sebuah akhbar berbahasa

kepada Proton'

Cina, *Oriental Daily*.

Pada 5 Julai lalu, Dr. Mahathir memanggil sidang akhbar bagi mempertahankan Proton dengan menyatakan ia bukan bertujuan mempertahankan Mahaleel tetapi melindungi Proton sebagai seorang penasihat.

Menurut Dr. Mahathir, sebagai penasihat beliau tidak mempunyai kuasa dan turut tertakluk kepada tindakan oleh Lembaga Pengarah Proton.

“Sebagai penasihat, saya hanya dimaklumkan selepas keputusan dibuat. Saya bukan penasihat British.

“Penasihat British anda kena beritahu dulu, kalau dia cakap tidak, ia tak akan buat, tetapi saya penasihat Melayu (jadi) penasihat Melayu dia beritahu kemudian,” katanya.

“Anda tahu, saya menasihati, mereka suka mereka ikut, kalau tidak, tak ikut. Saya tak boleh nilai, mungkin berat sebelah, jadi biarlah orang buat andaian.

“Saya tak kata Mahaleel disingkirkan, kerana mungkin salah guna perkataan saya boleh kena saman sebab fitnah. Saya tak ada duit nak bayar. Saya kata dia (Mahaleel) bersara,” kata beliau.

Bekas Perdana Menteri memberitahu, sebagai Penasihat kepada Proton, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Lembaga Pembangunan Tioman, beliau berkhidmat secara percuma, kecuali Penasihat Petronas.

Di Petronas, beliau diberi elaun RM15,000 sebulan dan selepas ditolak cukai pendapatan, beliau hanya menerima RM10,000.

Pada satu soalan mengenai dakwaan di Perhimpunan Agung UMNO tentang ketirisan projek kerajaan disebabkan oleh pemimpin dahulu, beliau berkata: “Ia semua adalah salah saya.”

Jika di Jepun, katanya, penyerang kamikaze yang gagal menyebabkan Menteri Pengangkutan Jepun membunuh diri dengan terjun bangunan.

“Saya macam tu juga, tapi bangunan ini tinggi,” katanya menambah usaha menghapuskan ali baba boleh dilakukan jika orang Cina dan India yang mendapat projek melaporkan kepada pihak polis.

“Saya setuju dengan *Utusan Malaysia* yang mencadangkan supaya orang Cina dan India yang mendapat projek daripada orang Melayu melaporkan kepada pihak polis. “Saya percaya ini akan menghapuskan ali baba,” katanya.